

**UNDANG-UNDANG BAGI
KELAB BENDAHARI NEGERI SABAH
JABATAN BENDAHARI NEGERI
KOTA KINABALU, SABAH**

1. NAMA

Kelab ini dikenali dengan nama ***KELAB BENDAHARI NEGERI SABAH***. Selepas ini disebut Kelab.

2. ALAMAT BERDAFTAR DAN SURAT-MENYURAT

- (i) Alamat berdaftarnya ialah di ***JABATAN BENDAHARI NEGERI, 88595 KOTA KINABALU SABAH*** atau dilain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dan masa ke semasa oleh Jawatankuasa dan alamat untuk surat menyurat ialah ***JABATAN BENDAHARI NEGERI WISMA KEWANGAN, 88595 KOTA KINABALU, SABAH***.
- (ii) Alamat berdaftar dan alamat surat-menyurat Kelab tidak boleh diubah dengan tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

3. VISI

Menjadi sebuah kelab yang beketampilan, berdaya maju dan perihatin terhadap kebajikan ahli.

4. MISI

Melahirkan kakitangan yang cergas dan aktif di dalam sukan dan Rekrasi, ceria dan sihat agar dapat mencapai Visi dan Objektif JBNS, di samping mewujudkan suasana harmoni, memupuk budaya bantu membantu dan semangat kerjasama dikalangan kakitangan.

5. ERTI LOGO

PUTIH

Melambangkan ketelusan, keperhatianin terhadap kebaikan ahli.

OBOR

Semangat kesukanan yang tinggi membara.

UNGGU

Membawa maksud komitment yang ada pada semua ahli untuk maju dan

bersaing.
KUNING

Ceriah, berketrampilan dan berdaya maju.

LOGO JBNS

Ahlinya terdiri daripada kakitangan JBNS yang bernaung di bawah JBNS.

KBNS

Adalah nama singkatan Kelab Bendahari Negeri Sabah.

6. TUJUAN

- (i) Memelihara hak, kepentingan, kehormatan dan kebajikan ahli-ahli;
- (ii) Menjalankan aktiviti-aktiviti sukan, kebudayaan dan sosial untuk mencungkil bakat di samping menonjolkan kebolehan ahli-ahli;
- (iii) Menjalinkan muhibah dan mewujudkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli-ahli dengan kelab-kelab lain melalui program-program interaksinya;
- (iv) Memupuk semangat kerjasama dan budaya kerja berpasukan di kalangan kakitangan Jabatan Bendahari Negeri;
- (v) Merancang projek-projek kewangan untuk menambah tabung kelab;
- (vi) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran ahli-ahli ke arah kecemerlangan perkhidmatan melalui program-program latihan ; dan
- (vii) Bekerjasama dengan Jabatan Bendahari Negeri dalam mengendalikan aktiviti-aktivitinya.

3. a KEAHLIAN

- (i) Kelab ini mengandungi tiga (3) jenis keahlian iaitu:

- (a) **Ahli Biasa**

Keahlian Ahli Biasa Kelab ini adalah terbuka kepada semua

kakitangan Ibu Pejabat, Bendahari Negeri, termasuk kakitangan yang bertugas di Pejabat Bendahari Daerah Sabah.

(b) **Ahli Kehormat**

Dengan kelulusan Jawatankuasa Kelab, taraf Ahli Kehormat boleh dianugerahkan kepada seseorang yang telah menyumbang perkhidmatan berguna dan cemerlang kepada Kelab. Ahli tersebut boleh menikmati keistimewaan sebagai seorang ahli biasa tetapi tidak boleh mengundi atau memegang jawatan. Ahli Kehormat tidak perlu membayar yuran tahunan dan bayaran masuk.

(c) **Ahli Seumur Hidup**

Jawatankuasa Kelab boleh menganugerahkan taraf ahli seumur hidup kepada Ahli Biasa yang menjadi ahli Kelab secara berterusan selama lima (5) tahun dan telah pun menyumbang sebanyak RMI,000.OO (Ringgit Malaysia Satu Ribu) kepada Kelab dalam tempoh masa dua (2) tahun kewangan dan tarikh dia mula membayar yuran atau dan tarikh dia layak menjadi Ahli Seumur Hidup.

- (ii) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha dengan secepat mungkin. Setiausaha akan membawa permohonan ini kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- (iii) Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah, setelah membayar yuran masuk dan yuran bulan pertama seperti yang tertentu, diterima menjadi ahli kelab dan berhak ia sebagai ahli.

7.b Hak-hak Ahli Biasa dan Ahli-ahli Seumur Hidup

- (i) Berhak mengambil bahagian di dalam mana-mana Mesyuarat Agung yang diadakan oleh Kelab;
- (ii) Berhak bersuara dan mengundi di dalam mana-mana Mesyuarat Agung;
- (iii) Berhak menjadi calon-calon untuk memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Kelab;
- (iv) Berhak mengambil bahagian di dalam segala rancangan dan pergerakan

yang dikelolakan oleh Kelab;

- (v) Berhak memberi buah fikiran yang munasabah untuk dibincangkan di dalam mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa Kecil dan Mesyuarat Agung Kelab ; dan
- (vi) Berhak mengesyorkan pemindaan perlembagaan Kelab mengikut undang-undang Kelab.

8. BAYARAN MASUK, YURAN-YURAN DAN LAIN BAYARAN

- (I) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Bayaran Masuk	RM 5.00
---------------	---------

Yuran Bulanan:

a. Jusa VUC7	RM20.00
b. Gred W54, W48/N48	RM10.00
c. Gred W44,W41 & N41	RM8.00
d. Gred W36, W32, W27 & N27	RM 6.00
e. Gred W22, N22,	RM 4.00
f. Gred W17,N17,R1,R3, N1	RM2.00

- (ii) Yuran-yuran bulanan hendaklah dibayar kepada Bendahari terlebih dahulu di dalam masa 10 hari bulan awal tiap-tiap bulan.

9. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN

- (i) Mana-mana ahil yang gagal mematuhi undang-undang kelab atau bertindak dalam acara yang akan tercemar nama kelab bolehlah dipecat atau digantungkan keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa.
- (ii) Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantungkan ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat

menunda atau membatalkan keputusan itu, atas rayuan oleh ahli tersebut.

10. MESYUARAT AGUNG

- (i) Pengelolaan kelab ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua dan jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.
- (ii) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh (tidak lebih dan 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam dan waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuatkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa untuk mengubah undang-undang kelab dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
- (iii) Mesyuarat Agung Tahunan bagi kelab hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat dan 30 Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah :-
 - a) Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja kelab di dalam tahun yang lalu;
 - b) Menerima Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit;
 - c) Melantik ahli-ahli jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk dua tahun akan datang;
 - d) Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- (iv) Setiausaha hendaklah menghantar panggilan mesyuarat kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat agung tahunan diadakan, sesuatu pengumuman mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta satu agenda termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan beserta dengan penyata kira-kira kelab bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar kelab.

- (v) Mesyuarat Agung Khas bagi kelab ini boleh diadakan
 - a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa atau
 - b) Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis tidak kurang dan 1/5 dan jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.
- (vi) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dan tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- (vii) Pengumuman dan agenda untuk mesyuarat agung khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (viii) Fasal (i) dan (ii) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan mesyuarat agung tahunan boleh digunakan untuk mesyuarat agung khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dan waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat agung khas atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dan tarikh ini mesyuarat agung khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

11. JAWATANKUASA

- (i) Satu Jawatankuasa yang dinamakan pegawai-pegawai kelab hendaklah terdiri seperti berikut

- Seorang Presiden
- Seorang Timbalan Presiden
- Seorang Naib Presiden I
- Seorang Naib Presiden II
- Seorang Naib Presiden III
- Seorang Setiausaha
- Seorang Penolong Setiausaha
- Seorang Bendahari
- Seorang Penolong Bendahari
- Seorang Pegawai Penerangan
- Lima Belas (15) orang ahli-ahli Jawatankuasa Biasa

- (ii) Pemegang-pemegang jawatan kelab ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam kelab ini hendaklah warganegara Malaysia.
- (iii) Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong, dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan kecuali bagi jawatan Setiausaha, Penolong Setiausaha dan tidak lebih daripada 10 orang ahli Jawatankuasa Biasa yang dilantik oleh Presiden atas persetujuan Jawatankuasa. Sekiranya seseorang pegawai kelab ditukarkan secara tetap dari Ibu Pejabat, secara automatik jawatannya gugur.
- (iv) Pekerjaan Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian kelab dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan kelab dengan tidak terkeluar dan dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya, dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporannya berkenaan kegiatan-kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.
- (v) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian, atau tidak kurang dan 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (vi) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa dengan surat pekeliling. Syarat-syarat berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima.
 - (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan tenang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa.
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli

Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu ; dan

- (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

- (vii) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan dikehendaki menunjukkan surat tunjuk sebab kepada Jawatankuasa.

- (viii) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan (calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang demikian tidak ada, atau menolak jawatan itu maka berkuasalah jawatankuasa melantik ahli kelab yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga mesyuarat agung tahunan diadakan.

- (ix) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan kelab dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan Kelab.

- (x) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang ahli jawatankuasa.

8. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- (i) Presiden dalam masa jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung, semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia

mempunyai undi pemutus dan hendaklah dia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Dia hendaklah menandatangani semua cek Kelab bersama dengan Setiausaha dan Bendahari.

- (ii) Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
 - a) Naib Presiden I, II dan III hendaklah membantu Presiden dan Presiden dalam menjalankan tanggungjawab kegiatan dan aktiviti kelab.
- (iii) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah mesyuarat-mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas-kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat setiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek kelab bersama dengan Presiden dan Bendahari. Setiausaha hendaklah di dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim Penyata Tahunan Kelab kepada Pendaftaran Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966.
- (v) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan kelab Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek kelab bersama dengan Presiden dan Setiausaha.
- (vi) Ahli-ahli jawatankuasa biasa hendaklah sentiasa membantu dan bekerjasama dengan pegawai-pegawai di atas dalam melaksanakan kerja-kerja demi mencapai tujuan dan matlamat kelab.

8. KEWANGAN

- (i) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini wang kelab ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan kelab, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai

dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa kira-kira tetapi walau bagaimanapun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.

- (ii) Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM200.00 pada sesuatu masa, wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama kelab.
- (iii) Segala cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang dan kira-kira kelab hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Setiausaha dan Bendahari, kerana ketiadaan Presiden, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang kelab.
- (iv) Perbelanjaan yang lebih daripada RM500.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu, perbelanjaan yang kurang daripada RM500.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha dan Bendahari.
- (v) Penyata dairihal wang diterima dan dibelanjakan beserta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut Undang-Undang II, dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat agung tahunan yang berikutan dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar kelab.
- (vi) Tahun Kewangan Kelab ini bermula dan 1 hb Januari dan berakhir 31 Disember tiap-tiap tahun.

9. JAWATANKUASA AUDIT

- (i) Dua orang yang bukannya pegawai-pegawai kelab boleh dilantik di dalam mesyuarat agung tahunan berselang sebagai Pemeriksa Kira-kira Kehormat. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.
- (ii) Pemeriksa-pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira kelab bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk mesyuarat agung. Mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa oleh Presiden memeriksa kira-kira kelab bagi mana-mana masa di dalam

tempoh jawatan-jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

8. PENGAMANAH

- (i) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam mesyuarat agung tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh kelab. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan kelab dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed Of Trust).
- (ii) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan milik harta kepunyaan kelab dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung.
- (iii) Seorang pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh mesyuarat agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pengamanah, maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agung.

9. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (i) Di antara mesyuarat-mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- (ii) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam mesyuarat agung, keputusan jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

10. PENASIHAT/PENAUNG

Jawatankuasa kelab ini boleh difikirkan perlu melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat / Penaung bagi kelab ini.

11. LARANGAN

- (I) Permainan yang disenaraikan di bawah ini tidak dibenarkan dimainkan di dalam rumah kelab : Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pal Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua puluh Satu, Tiga Puluh Satu, sepuluh dan setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.
- (ii) Kelab atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.
- (iii) Kelab ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama kelab atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.
- (iv) Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidaklah boleh diberi oleh kelab kepada mana-mana ahli.

12. PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftaran Pertubuhan dalam masa 28 jam dan tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuat kuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftaran Pertubuhan.

13. PEMBUBARAN

- (I) Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga per lima jumlah semua ahli-ahli yang berhak mengundi di dalam mesyuarat agung yang diadakan khas kerananya.
- (ii) Sekiranya kelab hendak membubarkan secara yang disebutkan di atas, maka hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam masa 14 hari dan tarikh pembubaran itu.
- (iii) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan

kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dan tarikh pembubaran itu.